

13/05/2004

Interaksi politik, sosial, ekonomi asas perpaduan

By Kadir Dikoh

MEREKA yang dilahirkan pada 1969, kini berusia 35 tahun. Jangan tanya mereka mengenai peristiwa berdarah 13 Mei yang tercetus pada tahun malang itu, kerana mereka tidak tahu.

Generasi ini, seperti kebanyakan golongan muda lain hanya mengetahui mengenai kejadian menakutkan itu melalui bahan sejarah atau cerita daripada orang yang lebih tua, terutama yang terbabit sama ada secara langsung atau tidak.

Sehingga kini pun ramai yang masih terbayang-bayang dan diburu igauan peristiwa ngeri itu.

"Sejarah mengajar kita menjadi lebih dewasa meniti arus angkara". Itulah antara lirik lagu nyanyian Ramli Sarip dan Khatijah Ibrahim.

Peristiwa penaklukan kota Melaka pada 1511, misalnya, adalah kenangan silam yang perlu dijadikan renungan. Tetapi tragedi 13 Mei 1969 juga sepatutnya mendidik semua rakyat pelbagai kaum supaya memelihara perpaduan.

Peristiwa berdarah 35 tahun lalu itu adalah manifestasi kedaulatan Melayu yang tercarik dan tidak dihormati kaum lain yang menjadi `rakan kongsi' di negara ini. Episod hitam itu hampir menyebabkan orang Melayu kehilangan identiti dan mengakibatkan Islam terhakis di bumi Malaysia.

Jika peristiwa pengeboman 11 September 2001 di Amerika Syarikat mengubah senario dunia dalam semua aspek, peristiwa berdarah 13 Mei 1969 di negara kita juga mengubah keadaan politik, sosial dan ekonomi setempat.

Sejak tragedi itu, rakyat pelbagai kaum dibawa bersama dalam arus pembangunan, menikmati kek kekayaan negara dan berkongsi pentadbiran melalui kewujudan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Ternyata, peristiwa 13 Mei mengajar kita bahawa usaha membangunkan negara dan memperkuatkan ekonomi tidak ada maknanya jika rakyat berbunuhan sesama sendiri.

Selagi soal ketidakseimbangan ekonomi antara kaum tidak ditangani, keamanan menjadi sementara sifatnya.

Bahananya amat dirasai, tetapi atas kesedaran masyarakat majmuk bersatu kembali, untuk mempereratkan hubungan antara satu kaum dengan kaum yang lain, bagaikan menghakis sejarah silam itu.

Namun, selepas peristiwa itu kian dilupakan, masalah perpaduan sekali-sekala terdengar terutama dalam beberapa perkara yang dilihat bakal mengundang masalah jika tidak ditangani dengan bijak.

Antara bibit awal yang berjaya dikawal ialah kejadian pergaduhan di Kampung Medan, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur pada Mac 2001.

Walaupun kerajaan bijak menanganinya, kita berharap peristiwa sama tidak berulang.

Pada awal 2001, Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) pula mengemukakan 18 tuntutan yang mempertikai hak dan keistimewaan Melayu. Sekali lagi bibit-bibit yang boleh mengundang mala petaka, timbul.

Berikutan itu, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) berpakat mengadakan perhimpunan 100,000 rakyat di Bukit Jalil dan di beberapa negeri bagi menyatakan pendiriannya membantah tuntutan Suqiu itu. Akhirnya, Suqiu menggugurkan tuntutan itu.

Apabila ada yang berdegil dan membelakangkan kepentingan negara, perpaduan serta keharmonian yang sudah lama ditegakkan sejak selepas merdeka itu akan rosak dan hancur.

Rakyat harus memahami fungsi dan faedah kontrak sosial yang menyediakan rangka kerja bagi interaksi politik, sosial dan ekonomi yang dipersetujui bersama oleh semua masyarakat. Aspek paling utama dalam kontrak sosial itu ialah persetujuan rakyat peribumi memberi kerakyatan kepada kaum pendatang Cina dan India.

Setiap rakyat sama ada orang Melayu, Cina, India dan sebagainya menerima hakikat bahawa Malaysia adalah negara mereka bersama dan berbangga dengan negara mereka. Mereka bukan saja boleh bekerja sama dalam apa urusan sekali pun, malah masing-masing memahami sensitiviti kaum.

Kontrak sosial yang direstui oleh rakyat negara ini terus dipertahankan dan menjadi benteng paling kebal untuk ditembusi oleh sebarang anasir yang cuba mengganggu-gugat keamanan di negara ini.

Walaupun sesetengah negara lain menganggap urusan menguruskan kepelbagaian agama, etnik dan budaya sebagai sesuatu yang mustahil dilakukan, Malaysia membuktikannya menerusi kontrak sosial yang berkesan.

Sememangnya, persefahaman dan keharmonian hidup tidak boleh wujud semalaman. Ia memerlukan masa yang panjang untuk menebalkan kepercayaan rakyat terhadap tindakan kerajaan sama ada membabitkan kepentingan politik, ekonomi, sosial dan agama.

Kita harus ingat, sebelum merdeka, penjajah Britain membentuk minda masyarakat pribumi bahawa setiap kaum di Tanah Melayu akan dikenali menerusi kegiatan ekonomi mereka sendiri.

Melayu akan menjadi petani dan nelayan, Cina berniaga, manakala India pula sebagai pekerja di ladang.

Pembentukan kegiatan ekonomi berasaskan kaum itu direka Britain bertujuan memudahkan penguasaannya, sekali gus mengaut segala kekayaan dan hasil negara dengan sewenang-wenangnya.

Ekonomi negara sebelum merdeka adalah berasaskan keluaran komoditi seperti getah dan bijih timah.

British membiarkan orang Melayu dalam sistem ekonomi tradisional untuk mengelakkan wujudnya saingan atau ancaman terhadap ekonomi dan politik mereka.

Walaupun kaum Cina terus mendominasi ekonomi sesudah Britain keluar dari negara ini, usaha kerajaan memberi penekanan kepada mutu pertanian sedikit sebanyak membantu meningkatkan taraf hidup Bumiputera.

Meskipun begitu, polarisasi kegiatan ekonomi berasaskan kaum masih tidak dapat dibendung sekali gus mewujudkan ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan negara.

Pemilikan ekuiti Bumiputera dalam perniagaan hampir tiada langsung. Berikutan itu tercetuslah tragedi berdarah 13 Mei 1969 kerana jurang penguasaan ekonomi yang tidak seimbang.

Sinar di hujung terowong yang merubah langsung bentuk ekonomi negara muncul setahun kemudian, apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan.

Sebelum DEB penyertaan kaum Bumiputera dalam sektor korporat begitu kecil, malah ketika DEB diperkenalkan pada 1970, pemilikan ekuiti kaum Bumiputera dalam korporat hanya 2.4 peratus berbanding 34.3 peratus bukan Bumiputera dan 63.3 peratus rakyat asing.

Sekarang, penguasaan ekuiti Bumiputera sudah melangkau jauh dengan meningkat kepada 18 peratus walaupun masih rendah daripada sasaran DEB sebanyak 30 peratus.

Selain itu, daripada 18 peratus itu, hanya empat peratus di tangan individu dan bakinya dikongsi agensi kerajaan seperti Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tabung Haji dan agensi amanah lain.

Menerusi DEB juga, Malaysia mengorak langkah dengan lebih progresif ke arah ekonomi berasaskan perindustrian dan pembuatan. Hasilnya, Malaysia berkembang menjadi sebuah negara perdagangan dan cita-citanya kini mahu mencapai status negara maju menjelang 2020.

Malah, menerusi impian itu juga, kerajaan ingin melihat wujud sebuah bangsa Malaysia yang tidak lagi dikenali sebagai Melayu, Cina, India, Iban, Dayak atau Kadazan. Semua bangga sebagai rakyat Malaysia yang hidup aman damai serta menikmati pembangunan.

DEB yang menjadi tonggak perkembangan ekonomi Malaysia banyak merubah mutu kehidupan rakyat terutama Bumiputera. Pengenalan saham amanah umpamanya terbukti menjadi pemangkin kepada peningkatan penguasaan ekuiti Bumiputera.

Kerajaan menggantikan DEB dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dari 1991 hingga 2000 yang tidak menetapkan tahap pembahagian ekuiti kaum. Strategi asas DPN sama dengan DEB, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Satu daripada fokus strategi DPN ialah mewujudkan guna tenaga dan pembangunan pesat sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) bagi menjamin penyertaan Bumiputera lebih bermakna dalam sektor moden.

Walaupun peristiwa berdarah 13 Mei sudah lama berlalu, tidak mustahil untuk ia berulang kembali jika kita gagal memanfaatkan masa dan zaman yang sedang diharungi. Persefahaman antara kaum wajar dimulakan di sekolah.

Oleh itu, cadangan Tun Dr Mahathir Mohamad ketika beliau menjadi Perdana Menteri untuk membentuk sistem persekolahan yang lebih bersifat kolektif dan berciri keharmonian kaum dianggap langkah bijak iaitu menerusi Sekolah Wawasan.

Dasar itu diteruskan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru-baru ini menggariskan strategi memantapkan lagi mutu dan memperbaiki integrasi kaum dalam sistem pendidikan, sekali gus mewujudkan generasi yang boleh menyumbang kepada negara dengan lebih bermakna.

Strategi itu antara lain memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai 'sekolah pilihan' tetapi pada masa yang sama melindungi kedudukan sekolah jenis kebangsaan yang ada.

Apabila anak Melayu, Cina, India dan kaum lain dapat berinteraksi sejak peringkat awal di alam persekolahan lagi, sudah tentu akan lahir satu generasi Malaysia yang bersifat pelbagai budaya.

Pada masa ini, orang Melayu mampu menguasai budaya bangsa lain. Begitu juga kaum lain. Sudah tentu sifat kekitaan yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969 tidak lagi akan lahir dalam diri rakyat Malaysia.

(END)